

SIDANG AKHBAR  
ISJN IPPK SELANGOR  
5 DIS 2008



NORDIN (kanan) menunjukkan tuala lembap dipercayai mengandungi cecair dadah jenis kokain yang dirampas daripada seorang penumpang warga asing di KLIA semalam.

# Seludup tuala lembap isi kokain

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS  
norlida.idros@kosmo.com.my

SHAH ALAM - Serap cecair kokain seberat 10.5 kilogram (kg) bernilai RM2.5 juta ke dalam 10 tuala 'hotel' sebelum diseludup.

Itu taktik terbaru sindiket penyeludupan antarabangsa yang berjaya dibongkar sepasukan polis cawangan narkotik ekoran penahanan seorang wanita warga asing dari sebuah negara Asia kira-kira pukul 3.30 petang kelmarin di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Narkotik Selangor, Asisten Komisioner Nordin Kadir berkata, hasil pemeriksaan ke atas dua begasi milik wanita terbabit mendapati 10 tuala lembap mengandungi cecair kokain seberat 10.5kg bernilai kira-kira RM2.2 juta.

"Selepas ditimbang, berat setiap tuala berwarna putih ini 1.5kg, jumlah cecair kokain yang diserap ke dalam

tuala adalah sekitar 1kg.

"Jadi, setiap tuala lembap yang dibawa wanita itu mengandungi cecair kokain bernilai sehingga RM250,000," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor di sini semalam.

Menurutnya, wanita bujang yang juga pengusaha kafe siber di negaranya itu dipercayai dari Sao Paolo, Brazil dan transit di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) sebelum tiba di KLIA untuk meneruskan perjalanan ke Bangkok, Thailand menggunakan jalan darat.

"Wanita itu juga dipercayai akan menggunakan perkhidmatan teksi ke sempadan iaitu di Bukit Kayu Hitam untuk ke Thailand," ujarnya.

Kata Nordin, pihaknya bertindak menahan wanita itu ketika dia sedang menolak troli membawa dua bagasinya di ruang mengambil bagasi di KLIA dalam keadaan mencurigakan.

"Wanita itu kini ditahan reman di bawah Seksyen

39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

"Kita akan siasat sama ada wanita itu terlibat secara terus atau dipergunakan oleh sindiket penyeludupan antarabangsa ini," katanya lagi.

Ujar beliau, satu kes penyeludupan dadah menggunakan tuala lembap mengandungi dadah pernah dikesan polis tiga tahun lalu, bagaimanapun ia melibatkan dadah jenis syabu.

"Inilah kali pertama kes penyeludupan tuala lembap berisi dadah jenis kokain dapat dibongkar pasukan JSJ Narkotik yang memantau ketibaan penumpang dari luar negara di ruang mengambil bagasi," katanya.

Ketika ditanya mengenai proses seterusnya untuk mendapatkan kembali kokain yang direndam bersama tuala, Nordin berkata, kemungkinan tuala itu akan diperah untuk mendapatkan cecair kokain sebenar.

kosmo 6/12/08 m/s 5